

03/10/1999

Anwar tidak pernah isytihar harta

Azizi Othman in London

LONDON: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pernah mengisytiharkan aset yang dimilikinya.

Perdana Menteri berkata, memang ada arahan yang mengkehendaki semua menteri Kabinet mengisytiharkan harta masing-masing kepadanya tetapi Anwar tidak pernah berbuat demikian.

"Perkara ini terbukti kerana saya mempunyai rekod mengenainya (bahawa dia tidak pernah mengisytiharkan harta)," kata Dr Mahathir dalam sesi dialog selama lebih dua jam dengan warga dan penuntut Malaysia, di sini, kelmarin.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan Malaysia bagi meningkatkan ketelusan dalam sistem pentadbiran dan ekonomi negara terutama dari segi pemilikan harta dan kepentingan syarikat.

Turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz; Presiden yang juga Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom dan Eire, Datuk Mohd Amir Jaffar.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya dalam banyak segi, amalan ketelusan di Malaysia jauh lebih baik daripada sesetengah negara yang sering mengkritik kerajaan sebagai tidak telus.

"Saya tahu siapa yang sudah mengisytiharkan harta mereka dan siapa yang tidak. Saya juga tahu siapa yang mempunyai apa sebab mereka perlu memberitahunya kepada saya.

"Tetapi bekas Timbalan Perdana Menteri tidak pernah berbuat begitu dan saya tidak tahu mengapa. Mungkin dia berasa sebagai timbalan saya dia mempunyai kelebihan tertentu.

"Namun, yang pasti dia sendiri tidak telus walaupun sentiasa lantang melaungkan supaya semua orang lain mengamalkan dasar yang telus, untuk membolehkan setiap orang boleh nampak semuanya.

"Saya ingin nyatakan di sini keadaan yang sering berlaku ialah mereka yang ghairah mendesak orang lain supaya telus adalah orang yang paling legap (tidak telus)," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai dakwaan kononnya kerajaan melakukan 'pendakwaan berpilih' terhadap pihak tertentu terutama tokoh korporat yang rapat dengan Anwar, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak sepatutnya timbul.

Katanya, ini kerana Anwar mengaku tidak mempunyai kroni dan oleh itu adalah tidak logik untuk sesiapa mendakwa kerajaan bertindak memilih orang tertentu atau tokoh korporat yang rapat dengannya untuk didakwa.

"Hakikatnya, memang ada antara mereka yang didakwa itu kroni Anwar tetapi ketika dia menjadi Timbalan Perdana Menteri, mereka ini dilindungi.

"Apabila Anwar sudah tidak lagi berkuasa, kita mendapati banyak daripada mereka melakukan kesalahan dan kita tidak mempunyai pilihan selain mengambil tindakan walaupun ia akan menyebabkan kerajaan dikritik," katanya.

(END)